

PELAKSANAAN ISTIBDAL DAN PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI PERAK

Ashlah Binti Ibrahim¹, Adnin Binti Ibrahim²

¹(Centre For Fundamental Studies, Management and Science University, Malaysia)

²(Academy Contemporary of Islamic Studies, MARA University of Technology Perak, Malaysia)

Penulis Koresponden: Ashlah Binti Ibrahim
ashlahibm92@gmail.com

Abstrak: *Istibdal ialah menukar dan menggantikan harta waqaf (mawquf) yang lama dengan mawquf yang baru untuk memastikan manfaat mawquf berkekalan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia telah memutuskan bahawa wakaf istibdal dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah diharuskan. Antara mawquf yang sering diistibdal ialah tanah dan terdapat tiga mekanisme istibdal tanah iaitu menukar tanah dengan tanah, menukar tanah dengan bangunan serta menukar tanah dengan wang pampasan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu melakukan kajian lapangan dengan menemubual pegawai di Majlis Agama Islam Perak bagi mendapatkan data dan maklumat berkenaan pelaksanaan istibdal di Perak. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kajian kepustakaan iaitu menganalisis maklumat daripada sumber-sumber asas. Oleh itu, objektif artikel ini ialah untuk menganalisis pelaksanaan istibdal dan pembangunan tanah wakaf khusus di negeri Perak. Kajian ini menjelaskan konsep istibdal wakaf, menganalisis pelaksanaan istibdal tanah wakaf di bawah Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) dan langkah-langkah pelaksanaannya di bawah MAIPk serta pembangunan lot-lot tanah wakaf di Perak.*

Kata Kunci: *Wakaf; Istibdal; Tanah wakaf; Pembangunan Tanah Wakaf.*

Abstract: *Istibdal is exchanging and replacing old waqf property (mawquf) with new mawquf to ensure the continuous benefit of the mawquf itself. Muzakarah Jawatankuasa Farwa Majlis Kebangsaan Malaysia had declared waqf istibdal is acceptable if the purpose is to retain the waqf property. Land is the most frequent mawquf conversion, and there are three land istibdal mechanisms: exchanging land with land, land with building, and land with cash compensation. This study is a qualitative research by interviewing officers at Majlis Agama Islam Perak to obtain data and information on the implementation of istibdal in Perak. Besides, we also use library research to analyze information from key resources. The objectives of this article are to analyze the implementation of istibdal and the development of waqf land, particularly in Perak. This research is to explain the concept of istibdal waqf, to analyze the implementation of istibdal waqf land under Majlis Agama Islam Perak (MAIPk), and the development of waqf land in Perak.*

Keywords: *Endowment; Istibdal; Waqf Land; Waqf Land Development*

Pendahuluan

Wakaf merupakan satu mekanisme yang disediakan oleh Islam dalam pengagihan harta kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dinikmati bersama oleh masyarakat (Asmak Ab Rahman, 2009). Tambahan pula, wakaf dalam Islam merujuk kepada harta yang dipindahkan hak miliknya kepada Allah. Oleh itu, menukar atau membeli harta wakaf (*mawquf*) yang baru bagi menggantikan *mawquf* yang lama adalah bertentangan dengan konsep wakaf kerana *mawquf* sama sekali mestilah kekal dan tidak boleh diubah. Namun, kebanyakan fuqaha' membenarkan *istibdal* dengan justifikasi bagi memastikan *mawquf* boleh memberi manfaat secara berterusan kepada umat Islam (Jasni Sulong,

2013). Pelaksanaan wakaf sudah lama berlaku sejak zaman Rasulullah SAW sehinggalah kini dan melalui pelaksanaan wakaf terbukti mampu meningkatkan ekonomi umat Islam.

Wakaf juga wujud di negara-negara Asia Tenggara. Di Singapura, terdapat tanah wakaf yang dibangunkan bagi tujuan tanah perkuburan, bangunan, masjid dan tabung amanah pendidikan. Antara wakaf yang wujud di Singapura ialah wakaf bangunan iaitu pada no. 23, 25, 25A, 43, 45, dan 47 di Jalan Mayo yang telah diamanahkan kepada Majlis Agama Islam Singapura oleh Shaikh Abdul Ghafoor Bin Shaikh Hyder. Pendapatan bersih tahunan bagi bangunan ini akan digunakan bagi tujuan penyelenggaraan dan gaji imam di Masjid Gafoor. Bukan itu sahaja, bagi tanah perkuburan Melayu iaitu tanah no. 438, 404 dan 440A Pasir Panjang telah diwakafkan khusus bagi tujuan tanah perkuburan Melayu. Terdapat juga Wakaf Tabung Amanah Kebajikan Yal Saif di Singapura. Tabung ini memperoleh hasil daripada Kediaman Chancery 01-14 dan 01-15. Tambahan pula, dengan hasil ini juga digunakan bagi membantu anak-anak yatim, balu, orang kurang upaya dalam dana pendidikan. Tidak lupa juga dana ini disumbangkan bagi bantuan perubatan Palestin dan kepada orang-orang yang layak menerimanya (MUIS, 2017).

Secara umumnya, kajian ini bertujuan meneroka potensi tanah wakaf terutamanya pembangunan dan *istibdal* tanah wakaf khusus di negeri Perak. Selain itu, ia merupakan salah satu instrumen yang boleh dilaksanakan selain sukuk, wakaf korporat, wakaf tunai yang kesemuanya bertujuan meningkatkan sosio ekonomi umat Islam dengan pengurusan yang sesuai dan teratur.

Konsep Istibdal Wakaf

Istibdal Wakaf merupakan antara wakaf yang popular pelaksanaannya di negara-negara Islam (Luqman Abdullah, 2010). Menurut JAWHAR (2010), *istibdal* ialah menggantikan *mawquf* yang dijual dengan membeli sesuatu harta lain yang sama atau lebih baik nilai dan manfaatnya. Selain itu, *istibdal* boleh didefinisikan sebagai menggantikan hasil atau pendapatan daripada *mawquf* yang kurang atau telah hilang dengan menjual *mawquf* tersebut dan membeli apa yang lebih baik daripadanya. Harta ini dikenali sebagai harta *badal* atau *amwal al-badal*. Pembangunan *istibdal* tanah wakaf tergolong daripada wakaf am iaitu wakaf yang digunakan untuk kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam (JAWHAR, 2010).

Terdapat pelbagai perbincangan di kalangan fuqaha' mengenai pelaksanaan *istibdal* wakaf dari sudut perundangan Syariah. Mazhab Hanafi merupakan mazhab yang paling terbuka dalam menyatakan pandangan terhadap *istibdal* wakaf. Menurut mazhab ini, harus *istibdal* wakaf pada dua keadaan berikut; pertama, pewakaf telah mensyaratkan ke atas dirinya atau ke atas pihak lain bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan *istibdal* ke atas harta yang diwakafkan ketika kontrak wakaf dimeteraikan. Kedua, pewakaf tidak mensyaratkan ke atas dirinya atau kepada pihak lain bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan *istibdal* atau pewakaf mensyaratkan *istibdal* tidak boleh dilakukan terhadap harta wakaf, tetapi harta tersebut tidak dapat dimanfaatkan lagi dan tidak dapat memberikan apa-apa hasil seperti tujuan asal ia diwakafkan dengan keizinan hakim. Namun, tidak harus *istibdal* wakaf menurut mazhab Hanafi sekiranya pewakaf tidak meletakkan syarat *istibdal* ketika wakaf dilakukan dan harta wakaf itu masih lagi dalam keadaan baik serta memberikan hasil dan manfaat, tetapi *istibdal* dilakukan semata-mata untuk memperolehi lebih banyak hasil dan keuntungan (Ibn 'Abidin, 1992).

Sungguhpun begitu, pelaksanaan *istibdal* terhadap masjid yang diwakafkan menurut mazhab Hanafi adalah rigid, menurut mazhab ini tidak diharuskan *istibdal* dengan apa cara sekalipun sama ada ia diganti dengan harta lain ataupun dijual walaupun masjid itu telah mengalami kerosakan. Mazhab Maliki dan Syafi'e juga mempunyai pendapat yang sama dengan mazhab Hanafi dalam permasalahan *istibdal* masjid (Al-Zuhaili, t.th).

Bagi *mawquf* tidak boleh alih, mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan mazhab Syafi'e berpendapat bahawa tidak harus *istibdal mawquf* tidak boleh alih kecuali dalam darurat atau *mawquf* sudah tidak memberi manfaat. Selain itu, bagi *mawquf* boleh alih diharuskan *istibdal* bagi memastikan manfaat *mawquf* digunakan secara berterusan pada pandangan mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali (Al-Zuhaili, t.th).

Manhaj mazhab Syafi'e pula begitu dominan dengan keterikatan dengan nas dan tidak begitu membuka ruang kepada mekanisme yang lebih kreatif dalam pembangunan *mawquf*. Dalam konteks mazhab Syafi'e, prinsip asas yang dipegang iaitu prinsip tidak boleh diubah status *mawquf* atau pemindahan milik kepada pihak lain, maka *istibdal* adalah tidak dibenarkan kerana ia akan melibatkan pertukaran harta dan tentunya ia akan melibatkan penjualan harta tersebut atau hibah atau apa-apa yang membawa kepada pemilikan kepada sesuatu pihak yang lain (Luqman Abdullah, 2010).

Prinsip asas yang dipegang oleh mazhab Syafi'e ini jelas pada pandangan mazhab terhadap hukum tidak harus penjualan masjid dengan tapak lain sekalipun masjid tersebut telah runtuh (Al-Syairazi, t.th). Segala batu bata runtuh masjid tersebut hendaklah dijaga dan disimpan untuk digunakan bagi pembinaan semula. Namun, sekiranya masjid tersebut sudah tidak mempunyai harapan untuk pembinaan semula fuqaha mazhab Syafi'e mengharuskan bahan-bahan runtuh masjid tersebut digunakan untuk tujuan pembinaan masjid di tempat lain yang berhampiran setelah mendapat keputusan dari hakim. Begitu juga Begitu juga dengan telaga wakaf yang telah rosak, batu bata binaannya mestilah digunakan untuk telaga lain (Al-Nawawi, 1991). Dalam kategori *mawquf* yang boleh alih terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan fuqaha mazhab Syafi'e mengenai keharusan penjualannya dan digunakan dalam bentuk yang lain yang memberi manfaat. Sebahagian fuqaha menegaskan bahawa *mawquf* seperti pokok kayu yang telah kering atau hamparan masjid yang telah rosak dan tidak boleh digunakan adalah tidak boleh dijual sama sekali untuk diganti dengan pembelian lain tetapi boleh digunakan oleh benefisiari dengan tujuan-tujuan tertentu seperti sebagai bahan bakar dan sebagainya dan juga ada pandangan yang mengatakan ia mestilah dibiarkan begitu sahaja. Namun, terdapat pandangan yang dianggap muktamad dalam mazhab Syafi'e iaitu yang mengharuskan dijual *mawquf* (Al-Zuhaili, t.th).

Dalam konteks Malaysia, *Muzakarah* Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan hukum wakaf *istibdal*. Muzakarah telah memutuskan bahawa wakaf *istibdal* dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah diharuskan mengikut *taqlid* pendapat Imam Abu Hanifah. Tambahan pula, *Muzakarah* Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-41 yang bersidang pada 3-4 November 1996 telah memutuskan bahawa wakaf *istibdal* merupakan perkara yang amat baik dan perlu diamalkan pada masa ini kerana pembangunan sedang berjalan dengan begitu pesat sedangkan tanah-tanah wakaf, tapak masjid lama terbiar dengan begitu sahaja dan menyulitkan pihak berkuasa. Maka sudah sampai masanya segala amalan dan urusan mengenai wakaf pada keseluruhannya diubahsuai dengan tidak terikat kepada mazhab Syafi'e sahaja manakala kaedah pengurusan didasarkan kepada mazhab Hanafi umpamanya atau mana-mana mazhab atau pendapat yang sesuai dengan keadaan dan masa (JAKIM, 2015).

Pelaksanaan Istibdal Tanah Wakaf di Perak

Pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf telah dilaksanakan dengan jayanya di Kedah, Johor, Melaka, Terengganu dan Perak. Di Kedah pelaksanaan *istibdal* berlaku pada pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, pembinaan Empangan Beris, pembinaan landasan berkembar keretapi elektrik (Ipoh-Padang Besar) dan projek menaiktaraf jalan raya (Afiffudin Mohamed Noor, 2013). Bagi negeri Johor ia melibatkan tanah tapak masjid. Di Melaka pula ia melibatkan tanah wakaf dan rumah kedai. Selain itu, di Terengganu istibdal melibatkan menaik taraf jalan raya, pembinaan pejabat pentadbiran kerajaan iaitu pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) negeri Terengganu dan bangunan Pejabat Daerah Kuala Terengganu, pembinaan parit, pembesaran dan pembinaan bangunan masjid, pengambilan untuk tapak sekolah, lapangan terbang, laluan Tenaga Nasional Berhad, perumahan awam, pembinaan tangki air dan pembesaran Muzium Negeri Terengganu serta Pelabuhan Perikanan Chendering di Kuala Terengganu (Mohd Affandi Mat Rani, 2014). Manakala, terdapat beberapa perlaksanaan *istibdal* tanah wakaf di Perak namun ia masih lagi perlu pada penambahbaikan.

Istibdal tanah menggunakan tiga mekanisme pertukaran iaitu pertukaran tanah dengan tanah, pertukaran tanah dengan bangunan dan pertukaran tanah dengan wang pampasan. Namun demikian, pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf di Negeri Perak dibangunkan menggunakan kaedah menukar tanah dengan tanah. Pelaksanaan *istibdal* ini adalah di bawah Rancangan Tanah Pertanian Berkelompok yang berkeluasan sebanyak 65.559 hektar. Perlaksanaan *istibdal* di bawah Rancangan Tanah Pertanian Berkelompok yang pertama ialah pembatalan dan penggantian tanah yang berkeluasan 56 ekar iaitu tanah wakaf am dengan lot 14890 di Wilayah Papan, Mukim Blanja, Daerah Kinta. Kegunaan tanah ini adalah bagi kegunaan wakaf am Kampung Serkai Jadi.

Selain itu, terdapat pelaksanaan *istibdal* menggunakan kaedah pertukaran tanah dengan tanah pada lot 17675, Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 941/23.1.80 di Wilayah Air Putih, Mukim Asam Kumbang di Daerah Larut dan Matang. Keluasan tanah yang terlibat bagi pelaksanaan ini ialah sebanyak 17 ekar. Tanah seluas 7.6180 hektar atau 19.045 ekar pada lot 18373 di Kampung Pak Dollah, Kamunting, Mukim Asam Kumbang di Daerah Larut dan Matang dijadikan tanah gantian bagi lot 17675 tersebut. Tanah ini juga telah diberi peruntukan khusus untuk kegunaan tapak perkuburan iaitu pada No. 700. Kegunaan tanah ini adalah bagi wakaf am dan tapak perkuburan Islam.

Selain itu juga, pelaksanaan *istibdal* pada lot 660/GM 3401, Lembah Keluang, Kubu Gajah di Mukim Selama. Keluasan tanah yang terlibat ialah sebanyak 1.2445 hektar. Bagi pelaksanaan ini, Wakaf Saraan di Masjid Rahmaniah mendapat pampasan sebanyak RM28,272 daripada lot 6544 (PM548) di Mukim Selama yang berkeluasan 414 meter persegi.

Dalam pada itu, *isibdal* dilakukan di lot 7129/W.K794/18.7.1963 di Mukim Beriah Daerah Kerian. Tanah yang terlibat ialah sebanyak 1.34 hektar atau 0.9648 ekar bagi kegunaan tapak masjid dan tanah perkuburan Parit Haji Taib. Terdapat juga tanah lot 11061 dan 12678/W.K 220/10.3.1905 pada Mukim Bagan Serai, Kerian. Tanah yang terlibat ialah sebanyak 4.3312 hektar pada tapak perkuburan Islam Kampung Matang Jelutong. Bagi lot 5925, 5926, 5927 dan 5062/W.K 1192/6.9.1904 di Mukim Kuala Kurau, Kerian. Tanah yang terlibat ialah sebanyak 8.9437 hektar pada Tapak Masjid Mahyuddin dan Tanah Perkuburan Islam Batu 5. Bagi lot 5119 dan 2820/W.K75/1.2.1901 di Mukim Kuala Kurau, Kerian. Keluasan tanah yang terlibat ialah sebanyak 8.7812 hektar ada Tapak Kubur Kampung Raja Bashah. Kaedah *istibdal* juga berlaku pada lot 3900/W.K.2148/18.8.2016 di Mukim Bagan Tiang, Kerian. Ia melibatkan kelusan tanah sebnyak 0.5937 hektar bagi Tapak Masjid Al-Huda Sungai Kota.

Jadual 1: Bilangan Lot Tanah Wakaf Berasaskan Jenis-Jenis Pemilikan

Jenis Pemilikan	Bilangan Lot
Majlis Agama Islam Perak (MAIPk)	1424
Warta Kerajaan	1109
Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK)	141
Jumlah	2674

Sementara itu, *mawquf* boleh dibahagikan kepada beberapa jenis pemilikan. Namun, khusus bagi tanah wakaf, lot tanah wakaf dapat dibahagikan kepada tiga jenis pemilikan. Berdasarkan Jadual 1, pemilikan pertama ialah Majlis Agama Islam Perak mempunyai hak milik ke atas geran iaitu sebanyak 1424 lot tanah. Pemilikan kedua ialah bagi warta kerajaan iaitu sebanyak 1109 lot tanah dan bagi pemilikan yang ketiga, pemilikan ialah pada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) iaitu sebanyak 141 lot tanah. Keseluruhan jumlah lot pemilikan ini ialah 2674 lot tanah.

Legaliti Pelaksanaan Istibdal Tanah Wakaf di Perak

Wakaf di Negeri Perak sinonimnya merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 dan Enakmen Wakaf Negeri Perak 2015. Wujudnya punca kuasa ini dapat melancarkan pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf khususnya di Perak.

Legaliti dasar *istibdal* temaktub di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, di mana perkara wakaf telah disenaraikan bersama perkara mengenai hukum syarak dan undang-undang diri bagi orang-orang yang beragama Islam. Berdasarkan Artikel 74, Perlembagaan Persekutuan telah memberi bidang kuasa kepada negeri untuk mengadakan undang-undang mengenai wakaf. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan Pemegang Amanah Tunggal semua *mawquf* dalam negeri dan diberi amanah serta diberi kuasa oleh undang-undang untuk melaksanakan *istibdal* (JAWHAR, 2015).

Selain itu, setiap pelaksanaan *istibdal* wakaf, perlulah merujuk kepada Enakmen Wakaf Negeri Perak 2015 iaitu pada bahagian 6 no. 22(1) dan (2) yang berkaitan *istibdal* dan pembangunan *mawquf*. Enakmen ini menjelaskan kuasa majlis untuk *istibdal* iaitu:

(1) Majlis boleh mengistibdalkan apa-apa *mawquf* jika:


- a) Kegunaan *mawquf* tidak lagi mendatangkan manfaat dan faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh *waqif*,
- b) Kegunaan *mawquf* tidak menepati tujuan wakaf;
- c) Mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- d) Majlis hendak mengistibdal masjid atau tapak masjid yang telah diwakafkan;
- e) Disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan, mana-mana syarat yang ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan;
- f) Mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan dan majlis berhasrat untuk menentukan apa-apa cara lain bagi melaksanakan wakaf itu, supaya *mawquf* itu digunakan dengan cara yang se hampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh *waqifnya*; atau
- g) Dalam hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh majlis.

Pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf di Perak akan lebih teratur dengan merujuk Enakmen Wakaf Negeri Perak 2015 ini. Namun penetapan secara terperinci mengenai kaedah dan pelaksanaan langsung *istibdal* belum dapat diperincikan seperti Manual Pengurusan Istibdal Wakaf yang telah dikeluarkan oleh JAWHAR.

Langkah Pelaksanaan Istibdal

Pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf mestilah melalui kelulusan daripada Majlis Fatwa Negeri Perak. Ini kerana tanpa kelulusan Majlis Fatwa, pelaksanaan *istibdal* tidak dapat dilaksanakan. Menurut Enakmen wakaf 2015, dalam Bahagian 6 (25) ada menyebut bahawa majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk keputusannya berhubung dengan pembangunan mana-mana *mawquf* sekiranya ia melibatkan persoalan Hukum Syarak yang perlu diputuskan. Hal ini kerana, dalam memutuskan pelaksanaan *istibdal* perlulah mengikut kriteria dan syarat-syarat yang bersesuaian dengan permasalahan tanah tersebut.

Rajah 1: Langkah Pelaksanaan Istibdal Tanah Wakaf di Perak




Rajah 1 menunjukkan bahawa terdapat beberapa langkah dalam membolehkan pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf di Perak. Setelah *wakif* mewakafkan tanah, MAIPk perlulah menilai kesesuaian pembangunan yang boleh dilakukan pada tanah tersebut.

Namun, sekiranya tanah tersebut tidak dapat dibangunkan kaedah *istibdal* boleh diusulkan bagi mengelakkan *mawquf* tersebut daripada tidak dimanfaatkan. Kertas kerja lengkap perlu dibuat oleh pihak MAIPk untuk dibentangkan kepada Majlis Fatwa. Setelah dinilai dari aspek Syariah dan kesesuaian dalam pelaksanaan *istibdal*, mufti akan membuat keputusan sama ada diluluskan pelaksanaan atau tidak. Ini bergantung kepada jenis dan desakan bagi sesuatu pembangunan. Ia juga berbeza mengikut kes dalam sesuatu *istibdal*.

Pembangunan Tanah Wakaf di Perak

Rajah 2 : Bilangan Lot Tanah Wakaf Seluruh Negeri Perak



Pembangunan merujuk kepada perbuatan dan cara membangunkan sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka). Terdapat banyak lot tanah wakaf yang telah dibangunkan oleh MAIPk. Rajah 2 menunjukkan bilangan lot tanah mengikut daerah di seluruh Perak. Daerah Kinta mempunyai lot tanah wakaf yang terbanyak iaitu sebanyak 598 lot tanah. Antara pembangunan yang telah dilakukan terhadap lot-lot tanah di daerah Kinta ialah empat unit rumah kedai dua tingkat yang dikenali sebagai Wakaf Toh Kulop Lembang, Tambun. Pembangunan ini juga mendapat peruntukan daripada pihak JAWHAR. Selain itu juga, terdapat projek bazar wakaf yang dibangunkan di atas tanah wakaf Masjid Klebang Restu Chemor. Pembangunan ini dikendali dan dibiayai oleh pihak MAIPk.

Namun begitu terdapat juga projek yang dalam cadangan pembangunan di atas tanah wakaf. Pembangunan tersebut adalah pada Lot 1553 dan 10758 Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab. Projek ini berupa satu blok bangunan komersial dan satu blok pangsapuri yang akan diusahakan dengan kerjasama UDA Wakaf Sdn Bhd. Kaedah penjualan pangsapuri ini dibuat mengikut konsep ijarah bagi mengekalkan pemilikan tanah wakaf tersebut di bawah seliaan MAIPk.

Jelaslah bahawa, badan-badan yang terlibat dalam pembangunan tanah wakaf di Perak ialah, MAIPk perlu bekerjasama dengan Pejabat Tanah, JAWHAR, Yayasan Wakaf Malaysia dan syarikat-syarikat yang berminat dalam membantu membangunkan tanah wakaf seperti UDA Sdn Bhd, PKENIPk Sdn Bhd dan lain-lain lagi.

Kesimpulan

Kesimpulannya, *istibdal* merupakan instrumen yang wajar dilaksanakan untuk memperkasakan lagi usaha pembangunan hartanah wakaf yang berpotensi di Malaysia. Selain daripada dapat memenuhi matlamat pewakaf, instrumen ini dapat meneruskan kesinambungan manfaat bagi hartanah wakaf khususnya untuk umat Islam. Walaupun dalam pembangunan *istibdal* tanah wakaf ini perlu mengharungi pelbagai permasalahan, ia perlu ditangani dengan segera agar harta Islam tidak dibiarkan tanpa kita mendapat manfaat darinya. Oleh itu, perundangan, organisasi terlibat dan pihak MAIPk perlulah cekap dan peka terhadap isu ini untuk memudahkan lagi jalan di masa akan datang tanpa mengetepikan hasrat dan niat pewakaf untuk mendapat pahala yang berterusan melalui wakaf ini. Bukan itu sahaja, pihak MAIN secara amnya dan MAIPk secara khususnya dapat mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah wakaf dan melaksanakan *istibdal* wakaf untuk memanfaatkan wakaf kepada masyarakat.

Kejayaan *istibdal* tanah wakaf dalam pembangunan tanah wakaf melalui kaedah *istibdal* dapat melancarkan lagi perancangan jangka masa panjang bagi tanah wakaf. Hasil daripada kejayaan tersebut secara tidak langsung dapat menangani pembaziran harta wakaf dan dapat memberi sumbangan kepada orang ramai.

Rujukan

- Afiffudin Mohammed Noor dan Mohd Ridzuan Awang (2013). Pelaksanaan *Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman*. *The International Journal of Islamic Studies*, 35(1).
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyiddin (1991). *Raudhah al-Thalibin Wa 'Umdah al-Muftin*. Ed 3. Beirut: Al-Maktab al-Islamiy.
- Al-Syairazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali (t.th). *al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam al-Syafi'e*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah (t.th). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Ed 4. Damsyiq: Dar al-Fikr
- Asmak Ab Rahman (2009) Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Shariah*. 17(1).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. Dicapai daripada carian di <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pembangunan>.
- Enakmen Wakaf Negeri Perak (2015).
- Ibn Abidin, Muhammad Amin (1992). *Raddu al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Ed 2. Beirut: Dar al-Fikr
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Ed 5. Selangor: Crystal Creative Empire.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) (2010). *Manual Pengurusan Istibdal Wakaf*. Selangor: Najjah One Trading & Services.
- Jasni Sulong (2013). Permissibility of Istibdal in Islamic Law and the Practice in Malaysia. *Journal of US-China Public Administration*. 10(7).
- Luqman Abdullah (2010) Istibdal Harta Wakaf Dari Perspektif Mazhab Syafi'e. *Jurnal Fiqh*. 7(1).
- Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) (2017).
- Mohd Afandi Mat Rani dan Abdul Rahman Mohd Sha'ary (2014) Pelaksanaan *istibdal* di Majlis Agama Islam Negeri: Kajian Kes Terhadap Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri di Majlis Agama Islam Terengganu. *Jurnal Seminar Waqf Iklimi*.